

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

DEWAN INI SETUJU UNTUK MEMINDA USUL KEBAJIKAN UNTUK WARGA EMAS

Terima kasih Yang Berhormat Dato Yang Dipertuan, ahli-ahli dewan undangan negeri yang saya hormati, termasuk ahli – ahli pembangkang. Amat bangganya saya sebagai seorang anak kelahiran Pulau Pinang yang dapat berdiri di dewan yang mulia ini. Hari ini dengan berpuluh puluh mata yang sedang memandangi saya, saya akan mencadangkan satu usul yang berbunyi “ Dewan ini setuju untuk meminda Usul Kebajikan Untuk Warga Emas”.

Dato Yang Dipertuan,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan Syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah mencipta sejarah menjadi negeri pertama yang mewujudkan Program I-Sejahtera Sumbangan Penghargaan Warga Emas sejak tahun 2009 dan masih diteruskan sehingga kini. Program i-Sejahtera merupakan sumbangan penghargaan dan keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berbentuk kewangan secara setahun sekali kepada rakyat Pulau Pinang iaitu warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah dan bayi berumur 2 tahun ke bawah.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan tahun 2022 menunjukkan populasi penduduk Pulau Pinang adalah seramai 1,777,092 orang, dan warga emas pula mencatat 189,427 orang iaitu sebanyak 10.66%.

Satu kejayaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan mewujudkan Pusat Transit Gelandangan Pertama di Pulau Pinang yang memakan kos sebanyak RM 490 juta bagi menangani isu gelandangan. Projek perintis ini dapat dilihat mampu membendung masalah gelandangan bersangkut paut dengan isu kebersihan, keselamatan dan masalah sosial.

Dato Yang Dipertuan,

Sedangkan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan program i-sejahtera dan Pusat Transit Gelandangan, tetapi ini masih tak cukup, sebab kita telah mengabaikan kebajikan warga emas bujang. Walaupun kategori mereka tidak mencatat angka yang banyak tetapi kebajikan mereka tidak boleh kita mengabaikan.

Ahli-ahli Dewan yang saya sayangi,

Sejak 2019, penyakit koronavirus 2019 yang melanda seluruh dunia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Sehingga kini, Malaysia berada di

Sidang Muda 2022 I Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

tempat ketiga bagi jumlah kes jangkitan COVID-19 dan juga mencatat jumlah kematian akibat penyakit tersebut selepas Indonesia dan Vietnam di Asia Tenggara. Setakat 5 Mei 2022, terdapat sebanyak 4,454,113 kes yang telah disahkan di Malaysia dengan sebanyak 4,391,090 kes sudah pulih sepenuhnya dan 35,569 kes kematian serta 27,454 kes masih aktif.

Dato Yang Dipertuan,

Di Kawasan Perumahan Padang Tembak terdapat lebih kurang 13,000 penghuni dan jumlah warga emas telah mencatat lebih kurang 25% samaada bujang, tinggal berseorangan ataupun tinggal bersama keluarga. Pada bulan Julai tahun lepas, angka kes jangkitan yang telah disahkan telah mencatat 20 hingga 30 sehari, dan hampir setiap minggu terdapat warga emas yang tinggal berseorangan meninggal di rumah dan kematian hanya dibongkar selepas bau busuk yang menyelubungi sehingga ke rumah jiran. Kita seharusnya mereka cipta satu pakej ataupun program kebajikan bersara kepada mereka yang berumur 60 ke atas. Terutamanya mereka yang pernah berjasa kepada negara kita, tinggal berseorangan ataupun warga emas bujang.

Ahli – Ahli Dewan yang dihormati,

Kebajikan yang dicadangkan adalah menyediakan rumah satu bilik yang melengkapinya dengan alatan bantuan warga emas contohnya sistem penggera yang membolehkan warga emas menghubungi untuk kecemasan. Infrastruktur koridor yang luas, dilengkapi pemegang besi dan menggunakan epoxy lantai. Selain itu, aktiviti rekreasi yang bermanfaat perlu diadakan untuk para penduduk terutamanya warga emas untuk menambah ilmu baru mereka supaya tidak terpisah dengan teknologi baru dan masyarakat. Perkhidmatan keselamatan, pengangkutan, kesihatan, pasaraya dan tempat makanan juga disediakan di kawasan perumahan.

Dato Yang Dipertuan,

Warga emas bukan golongan yang tidak produktif kerana sebilangan mereka masih relevan dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan jasa serta sumbangan mereka perlu dihargai. Warga emas harus dijaga, warga emas seharusnya diberikan perhatian, dihargai dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, saya dengan rendah dirinya meminta sokongan daripada semua ahli-ahli dewan untuk meluluskan usul ini.

Sekian ucapan saya, Terima Kasih.

Tan Kean Tatt

N21 Sungai Acheh

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

Sidang Muda 2022 I Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang